

# Menindas-guna kuasa tentera perlu diistilah pengganas

UM 11 NOV 2001

Oleh MOHD. ASUKI ABAS

**KUALA LUMPUR 16 Nov. —** Istilah 'pengganas' harus turut mengambil kira perbuatan sesebuah negara yang menindas orang lain melalui kuasa tentera, kata salah seorang peserta Seminar Mengenai Keganasan hari ini.

Naib Presiden Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia, Datuk Paul Low berkata, rujukan 'pengganas' tidak sepatutnya terhad kepada individu sahaja kerana ada negara yang menggunakan tentera mereka sendiri untuk melakukan perbuatan ganas yang sama kejamnya.

"Penganas tidak harus terhad kepada individu atau bukan negara sahaja kerana ada juga negara yang melakukan perbuatan tersebut.

"Sebagai contoh, menggunakan kuasa tentera yang lebih kuat terhadap negara lain bagi menyelesaikan masalah, itu juga boleh (dipanggil pengganas)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas perasmian Seminar Mengenai Keganasan anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Seminar dua hari itu dijangka ditutup oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, esok.

Menurut Low, matlamat bagaimanapun tidak menghalalkan cara mana-mana pihak mengambil tindakan secara ganas bagi memperjuangkan sesuatu.

"Walau apapun tujuannya, walaupun benar, tindakan ganas tidak boleh diambil, kerana ia ha-

nya akan memabulkan golongan tidak bersalah menderita," tegasnya

"Sesetengah pihak mungkin kecewa apabila mereka tidak bersejua dengan sesuatu perkara dan gagal untuk mendesak pihak-pihak tertentu mengambil tindakan yang memenuhi kemahuan mereka," tambah beliau.

Naib Presiden Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia, V. Hacharan Singh Sardar pula berkata, agak sukar untuk mengambil tindakan terhadap punca sesuatu keganasan itu berlaku kerana tidak semua keganasan dapat dikenal pasti sebabnya.

## Perjuangan

"Kita tidak tahu semua punca keganasan. Contohnya Kumpulan Militer Malaysia yang heboh tidak lama dahulu, kita tidak tahu apa sebabnya mereka berkelakuan sedemikian.

"Banyak orang yang mendakwa ada perjuangan dan kita tidak tahu semua puncanya," tegas beliau.

Sementara itu, Presiden Kehormat Tan & Tan Development Bhd., Datuk Tan Chin Nam melahirkan rasa tidak setuju jika istilah pengganas turut digunakan bagi menakrif sesebuah negara walaupun negara itu melakukan perbuatan ganas.

"Penganas merupakan golongan yang komited untuk membunuh orang lain yang tidak berdosa tanpa mendapat persetujuan sesebuah negara.

"Perbuatan (serupa) oleh sesebuah negara tidak boleh dipanggil pengganasan," katanya tanpa mengulas lanjut.